



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

WANITA SARAWAK DALAM SEJARAH
PEMBANGUNAN PENDIDIKAN
KAUM WANITA PADA
TAHUN 1930-1963



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

ANITA BINTI JUNAIDI

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2024



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**WANITA SARAWAK DALAM SEJARAH PEMBANGUNAN PENDIDIKAN
KAUM WANITA PADA TAHUN 1930-1963**

ANITA BINTI JUNAIDI



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA SASTERA
(MOD PENYELIDIKAN)**

**FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2024



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

2UPSI/IPS 3/BO 32
Pind. 00 m/s 1/1UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRISSila tanda (✓)
Kertas Projek
Sajana Penyelidikan
Sajana Penyelidikan dari Kerja Kursus
Doktor Falsafah


INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 5 (hari bulan) Mac (bulan) 2024.

i. Perakuan pelajar:

Saya, ANITA BINTI JUNAIDI, M20212003405, FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO, MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk WANITA SARAWAK DALAM SEJARAH PEMBANGUNAN PENDIDIKAN KAUM WANITA PADA TAHUN 1930-1963 adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya


 Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, DR. WAN NOORLIZAWATI BINTI WAN MAT ALI dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk WANITA SARAWAK DALAM SEJARAH PEMBANGUNAN PENDIDIKAN KAUM WANITA PADA TAHUN 1930-1963 dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah SARJANA (SEJARAH)

5/3/2024

Tarikh



Tandatangan Penyelia



upsi/ps-0101/21
Pind. 01 m/s 1/1UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRISINSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIESBORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM

Tajuk / Title: WANITA SARAWAK DALAM SEJARAH PEMBANGUNAN
PENDIDIKAN KAUM WANITA PADA TAHUN 1930-1963

No. Matrk / Matric's No.: M20212003405

Saya / I: ANITA BINTI JUNAIDI
(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.

4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-



SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972 / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972




TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.



TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS


(Tandatangan Pelajar/ Signature)

Tarikh: 05/03/2024


(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)
Penyarah
Jabatan Sejarah
Fakulti Sains Kemasyarakatan
Universiti Pendidikan Sultan Idris

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini SULIT @ TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan lempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.





PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur kepada Allah SWT kerana atas rahmat dan izin-Nya disertasi ini berjaya disiapkan. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelia saya iaitu Dr. Wan Noorlizawati binti Wan Mat Ali atas segala tunjuk ajar dan masa yang diberikan sepanjang saya menjalankan kajian ini. Berkat nasihat, bimbingan dan kritikan yang diberikan telah membantu saya menyempurnakan penulisan disertasi ini dengan baik. Terima kasih tidak terhingga diucapkan kepada pihak Institut Pengajian Siswazah, Fakulti Sains Kemanusiaan dan Jabatan Sejarah, Universiti Pendidikan Sultan Idris serta kakitangan Arkib Negeri Sarawak, Muzium Sarawak, *Sarawak State Record Repository*, Perpustakaan Tuanku Bainun, Universiti Malaya, dan Perpustakaan Negeri Sarawak atas kerjasama yang diberikan. Tidak dilupakan juga kepada para responden seperti Cikgu Flowrese, Puan Margaret Bedus, Encik John anak Brion serta mana-mana pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung. Terima kasih tidak ternilai saya ucapkan kepada ibu dan ayah atas doa dan kasih sayang yang diberikan. Kepada kakak saya Dr. Rohayati, terima kasih atas dorongan dan sokongan yang diberikan. Begitu juga dengan adik beradik yang lain serta rakan-rakan yang tidak pernah berhenti memberi semangat untuk saya meneruskan kajian ini. Jasa baik kalian semua, hanya Allah SWT yang mampu membalasnya.





ABSTRAK

Kajian ini adalah tentang penglibatan wanita dalam perkembangan pendidikan untuk kaum wanita di Sarawak pada tahun 1930-1963. Dalam kebanyakan penulisan sejarah pendidikan di Sarawak, tokoh wanita Barat seperti Hariette McDougall, Margaret Brooke, dan Mary Hoover sering diangkat sebagai pelopor pembangunan pendidikan masyarakat, manakala peranan wanita tempatan sering diketepikan. Oleh itu, kajian ini dilakukan untuk menyelidiki usaha wanita tempatan dalam memajukan pendidikan masyarakat, khususnya bagi kaum wanita di Sarawak. Penyelidikan ini dijalankan dengan menggunakan kaedah kualitatif dengan menganalisis sumber primer dan sekunder yang terdiri daripada fail, rekod, surat, laporan, akhbar, buku, jurnal dan tesis. Selain itu, temu bual juga dilakukan dengan beberapa orang responden terpilih. Hasil kajian mendapati wanita Sarawak khususnya golongan wanita yang berpendidikan turut memainkan peranan penting dalam perkembangan pendidikan masyarakat khususnya wanita menerusi usaha mereka mengasaskan persatuan wanita, menubuhkan sekolah, membuat lawatan ke kawasan pedalaman serta sentiasa membangkitkan isu pendidikan. Tindakan wanita Sarawak ini memberi kesedaran kepada masyarakat tentang kepentingan pendidikan kepada kaum wanita. Dapatan kajian juga menunjukkan, terdapat cabaran yang perlu dihadapi dalam memajukan pendidikan wanita di Sarawak dengan sikap dan penerimaan masyarakat terhadap pendidikan wanita, kekurangan infrastruktur pendidikan, masalah sistem perhubungan dan pengangkutan, masalah kewangan dan kemiskinan, kelemahan kurikulum, dasar pendidikan kerajaan serta masalah kekurangan guru terlatih. Cabaran ini sedikit sebanyak menghambat usaha mereka dalam memajukan pendidikan wanita. Kesimpulannya, pendidikan wanita Sarawak masih lagi mundur namun mula berkembang secara perlahan-lahan dan meninggalkan kesan positif kepada kehidupan kaum wanita di Sarawak iaitu berlaku peningkatan bilangan pelajar perempuan secara konsisten setiap tahun serta kesan terhadap peluang pekerjaan, fesyen dan penampilan serta kesan terhadap politik wanita. Implikasi kajian ini menekankan kepentingan mengenali sumbangan wanita tempatan dalam pendidikan, yang selama ini kurang diberi perhatian serta meningkatkan penghargaan terhadap peranan wanita tempatan berbanding hanya menyanjung sumbangan wanita Barat.



SARAWAK WOMEN'S IN THE HISTORY OF EDUCATION DEVELOPMENT FOR WOMEN FROM 1930-1963.

ABSTRACT

This study examines the involvement of women in the development of education for women in Sarawak from 1930 to 1963. In most historical writings on education in Sarawak, western women such as Harriette McDougall, Margaret Brooke, and Mary Hoover are often recognized as pioneers in the development of community education, while the contributions of local women are frequently overlooked. Therefore, this study aims to investigate the efforts of local women in advancing community education, particularly for women in Sarawak. This research uses a qualitative approach by analyzing primary and secondary sources, including files, records, letters, reports, newspapers, books, journals, and theses. In addition, interviews were conducted with selected respondents. The findings indicate that Sarawak women, especially educated women, also played a significant role in the development of community education, specifically women's education, through their efforts in founding women's associations, establishing schools, visiting rural areas, and continually raising educational issues. The study's findings also reveal the challenges faced in advancing women's education in Sarawak, including societal attitudes and acceptance of women's education, lack of educational infrastructure, issues with transportation and communication systems, financial constraints and poverty, curriculum weaknesses, government education policies, and a shortage of trained teachers. These challenges hinder efforts in advancing women's education. In conclusion, women's education in Sarawak is still lagging behind but starting to grow slowly and has impacted the lives of women in Sarawak, leading to a consistent increase in the number of female students each year, as well as impacts on employment opportunities, fashion and appearance, and women's political involvement. The implications of this study underscore the importance of recognizing the contributions of local women in education, which have long been underappreciated, and of fostering greater appreciation for the role of local women, rather than focusing solely on the contributions of Western women.



KANDUNGAN

Muka surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI SINGKATAN	xiii
SENARAI LAMPIRAN	xv

BAB 1	PENDAHULUAN	
1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	2
1.3	Permasalahan Kajian	8
1.4	Objektif Kajian	10
1.5	Soalan Kajian	10
1.6	Kepentingan Kajian	11
1.7	Skop Kajian	13





1.8	Definisi Operasional	
1.8.1	Pembangunan	14
1.8.2	Pendidikan	16
1.9	Kajian Literatur	17
1.10	Metodologi Kajian	29
1.11	Pembahagian Bab	30
1.12	Kesimpulan	32

BAB 2 LATAR BELAKANG PENDIDIKAN WANITA DI SARAWAK

2.1	Pengenalan	34
2.2	Kumpulan Masyarakat Sarawak	35
2.2.1	Kaum Melayu	36
2.2.2	Kaum Dayak	40
2.2.3	Kaum Cina	45
2.3	Pendidikan Tradisional Kaum Wanita Sarawak	47
2.3.1	Pendidikan Kaum Wanita Melayu	50
2.3.2	Pendidikan Kaum Wanita Dayak	57
2.3.3	Pendidikan Kaum Wanita Cina	71
2.4	Sejarah Awal Kemunculan Pendidikan Formal Untuk Wanita di Sarawak	74
2.4.1	Penubuhan Sekolah Perempuan Mubaligh Kristian	78
2.4.2	Perkembangan Pendidikan Formal Wanita	85
2.5	Kesimpulan	94





BAB 3 PEMBANGUNAN PENDIDIKAN WANITA OLEH WANITA SARAWAK

3.1	Pengenalan	96
3.2	Usaha dan Strategi	97
3.2.1	Mengasaskan Persatuan Wanita	98
3.2.2	Menubuhkan Sekolah	125
3.2.3	Lawatan ke Kawasan Pedalaman	146
3.2.4	Membangkitkan Isu Pendidikan	153
3.3	Kesimpulan	159

BAB 4 CABARAN DALAM MEMAJUKAN PENDIDIKAN WANITA DI SARAWAK

4.1	Pengenalan	161
4.2	Sikap dan Penerimaan Masyarakat Terhadap Pendidikan Wanita	162
4.3	Masalah Kekurangan Infrastruktur Pendidikan	172
4.4	Masalah Sistem Perhubungan dan Pengangkutan	188
4.5	Masalah Kewangan dan Kemiskinan	194
4.6	Kelemahan Kurikulum	201
4.7	Dasar dan Polisi Pendidikan kerajaan	205
4.8	Masalah Kekurangan Tenaga Pengajar Terlatih	213
4.9	Kesimpulan	218

BAB 5 KESAN PENDIDIKAN TERHADAP KEHIDUPAN WANITA DI SARAWAK

5.1	Pengenalan	220
5.2	Kesan Terhadap Pendidikan Wanita	221



5.3	Kesan Terhadap Peluang Pekerjaan	230
5.4	Kesan Terhadap Fesyen dan Penampilan	237
5.5	Kesan Terhadap Politik Wanita	245
5.6	Kesimpulan	254

BAB 6	RUMUSAN	256
	RUJUKAN	273
	LAMPIRAN	



SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka surat
2.1	Bilangan murid Sekolah St. Mary Kuching, 1901-1925	80
3.1	Senarai Ahli Jawatankuasa Tertinggi PWMS, 1947-1952	102
3.2	Jumlah sekolah rakyat, 1947-1949	108
4.1	Bilangan pelajar di sekolah menengah, 1948-1963	179
4.2	Buku teks di sekolah Melayu kerajaan, 1937	184
4.3	Kadar yuran secara bulanan di sekolah bantuan kerajaan pada tahun 1957	196
5.1	Bilangan pelajar perempuan pada tahun 1948-1962 di Sarawak	221
5.2	Kursus pilihan pelajar perempuan di universiti luar negara, 1961	234





SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
2.1	Lesung Penumbuk Padi	59
2.2	Pengait dan Pisau Padi	59
2.3	Lanji atau Baduk	68
2.4	Raga atau Takin	68
2.5	Capan	69
3.1	Jalan Satok, Kuching	128
3.2	Sekama, Kuching	135
3.3	Kampung Masjid, Kuching	140
3.4	Jalan Oya, Sibu	143
5.1	Peratus bilangan pelajar perempuan di sekolah, 1948-1962	222



**SENARAI SINGKATAN**

ADUN	Ahli Dewan Undangan Negeri
BARJASA	Barisan Jati Anak Sarawak
BCM	Borneo Church Mission
BEM	Borneo Evangelical Mission
BLTC	Batu Lintang Training College
CEC	Central Executive Committee
GLS	Government Lay School
Hlm.	Halaman
KLPMS	Kolej Latihan Perguruan Melayu Sarawak
MNU	Malay National Union
PANAS	Parti Negara Sarawak
PBB	Parti Pesaka Bumiputera Bersatu
PBDS	Parti Bansa Dayak Sarawak
PESAKA	Parti Bumiputera bergabung dengan Parti Pesaka Anak Sarawak
PKMS	Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak
PPM	Persatuan Pemuda Melayu
PW	Pergerakan Wanita
PWMS	Persatuan Wanita Melayu Sarawak
RK	Roman Katolik



SDA	Seventh Day Adventists
SDNU	Sarawak Dayak National Union
SES	Satok English School
SESCO	Sarawak Electricity Supply Company
SFCWA	Sarawak Federation of Chinese Women Association
SFWI	Sarawak Federation of Women's Institutes
SIDS	Sarakup Indu Dayak Sarawak
SJSSC	Sarawak Junior Secondary School Certificate
SNAP	Sarawak National Party
SPG	Society for the Propagation of the Gospel
SSOL	Sarawak Shell Oilfields Limited
STC	Sarawak Teacher's College
SUPP	Sarawak United People's Party
WRIS	Women's Rural Institute Sarawak



SENARAI LAMPIRAN

- A Past and Present Presidents of Sarakup Indu Dayak Sarawak (SIDS)
- B Wanita besi generasi pertama Sarawak
- C Laporan Pengarah Pertanian berkenaan Women's Rural Institutes Sarawak
- D Kenyataan A.W. Stonton, *Archdeacon of Sarawak* Berkenaan Sikap Masyarakat Dayak Terhadap Pendidikan



Peta Negeri Sarawak





BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan



Pendidikan merupakan kunci kemajuan kepada sesebuah bangsa dan negara. Hal ini demikian kerana, pendidikan dapat melahirkan masyarakat celik huruf yang mampu berfikir dengan baik bagi mengubah nasib anak bangsa. Oleh sebab itu, pihak kerajaan menekankan kepentingan pendidikan serta melaksanakan pelbagai strategi untuk meningkatkan pendidikan rakyat tanpa mengira jantina. Sungguhpun begitu, pada zaman pra-kemerdekaan masyarakat di Sarawak pernah menolak memberikan pendidikan kepada anak perempuan. Bagi masyarakat ketika itu, pendidikan wanita merupakan pantang larang yang tidak patut diingkari. Tanggapan negatif yang begitu menebal terhadap pendidikan wanita menyebabkan masyarakat turut memandang serong ibu bapa yang menghantar anak perempuan mereka ke sekolah. Bertitik tolak daripada itu, pendidikan wanita di Sarawak telah tercicir berbanding pendidikan kaum





lelaki. Kemunduran pendidikan wanita di Sarawak mendapat perhatian golongan wanita yang berpendidikan. Golongan ini kemudiannya menggerakkan pelbagai usaha dan strategi bagi menyedarkan masyarakat tentang pentingnya pendidikan untuk kaum wanita. Mereka sanggup mengorbankan masa dan tenaga bersama keluarga demi tugas agar masyarakat Sarawak khususnya golongan wanita tidak terus ketinggalan dalam pelajaran.

1.2 Latar belakang

Pendidikan di Sarawak telah muncul jauh sebelum kedatangan James Brooke ke Sarawak. Namun demikian, pendidikan ketika itu lebih bersifat keagamaan dan tradisional. Misalnya, bagi masyarakat Melayu, anak-anak akan dihantar mengaji Al-Quran di rumah tok guru, surau dan masjid.¹ Mereka juga belajar membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu. Walau bagaimanapun, pendidikan hanya difokuskan kepada kaum lelaki sahaja. Hal ini kerana mentaliti masyarakat Melayu ketika itu masih kurang menitikberatkan kepentingan menuntut ilmu bagi anak perempuan. Mereka bimbang wanita yang pandai akan menghancurkan citra keluarga.²

Perkara yang sama turut dialami oleh kaum wanita masyarakat Cina di Sarawak. Mereka turut disisihkan dalam mendapatkan pendidikan. Masyarakat Cina hanya mengutamakan pendidikan untuk anak lelaki kerana anak perempuan dianggap

¹ Sabihah Osman, *Perkembangan pelajaran bumiputera Sarawak 1841-1941*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990, hlm. 44-45.

² *Ibid.*, hlm. 45-46.





tidak mempunyai nilai ekonomi berbanding anak lelaki.³ Tambahan pula, apabila anak perempuan berkahwin, mereka akan berpindah dan menyertai keluarga sebelah pihak suami. Dengan itu, menyediakan pendidikan untuk anak perempuan dianggap membazir dan membebankan. Manakala, bagi masyarakat Dayak, pendidikan mereka lebih bersifat tidak formal. Misalnya, anak lelaki akan diajar tentang kemahiran berburu, mengumpul hasil hutan serta teknik penanaman padi huma atau padi bukit.⁴ Sementara anak perempuan pula biasanya diajar dengan kemahiran melakukan kerja-kerja rumah oleh ibu atau wanita yang lebih tua. Kurangnya kesedaran tentang kepentingan pendidikan untuk anak perempuan menyebabkan masyarakat tidak menggalakkan anak perempuan mereka bersekolah.

Keadaan tidak banyak berubah semasa pemerintahan James Brooke. Ini kerana, James Brooke juga tidak memandang serius pendidikan masyarakat Sarawak.⁵ Tambahan pula, sepanjang pemerintahan beliau daripada tahun 1841 hingga tahun 1868, tidak ada sebuah sekolah pun yang didirikan. Sebaliknya, beliau menyerahkan tanggungjawab menyediakan pendidikan untuk rakyat Sarawak, khususnya masyarakat Dayak, kepada bidang kuasa pihak gereja Kristian sepenuhnya. Badan-badan mubaligh inilah yang memulakan sistem pendidikan formal di Sarawak dengan menubuhkan sekolah mengikut mazhab masing-masing. Dasar *laissez faire*⁶ James Brooke terhadap pendidikan tetap diteruskan oleh rajah-rajah⁷ Brooke selepas itu. Ini

³ Ooi Keat Gin, *Women should be helpmates and not drags upon their husbands: Female education in Brooke Sarawak, 1841-1941*, dlm. *International Interdisciplinary Congress on Women*, Australia: Adelaide, 22-26 April 1996, hlm. 4.

⁴ *Ibid.*, hlm. 4-5.

⁵ Ooi Keat Gin, *Dunia di seberang sungai: Pendidikan di Sarawak dari zaman pemerintahan Brooke hingga ke pentadbiran Pejabat Tanah*, Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia, 2001, hlm. 17-19.

⁶ Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, muka surat 869, *Laissez Faire* bermaksud doktrin kebebasan penuh dalam perdagangan, tanpa campur tangan kerajaan. Ia berasal daripada perkataan Perancis yang bermaksud biarkan.

⁷ Penggunaan kata Rajah adalah untuk membezakan keluarga Brooke dengan keluarga diraja. Hal ini demikian kerana, keluarga Brooke bukan keturunan diraja England sebaliknya hanya rakyat biasa.





memandangkan, sekolah kerajaan yang pertama hanya didirikan pada tahun 1883 iaitu setelah hampir 42 tahun keluarga Brooke memerintah Sarawak. Penubuhan sekolah tersebut juga atas usaha Ranee Margaret⁸ dan rakan-rakannya yang terdiri daripada isteri-isteri Datu. Ranee Margaret berjaya memujuk wanita Melayu untuk bersama-sama belajar membaca dan menulis. Kejayaan Dayang Sahada⁹ menulis *Sejarah Sarawak* dalam tulisan jawi menyebabkan Ranee Margaret ingin menubuhkan sekolah untuk kaum perempuan dan kanak-kanak lelaki.¹⁰

Meskipun terdapat sekolah Melayu dibina, namun sekolah tersebut hanya menerima pelajar lelaki. Ini menyebabkan, Abang Kasim¹¹ mencadangkan pihak kerajaan supaya menubuhkan sekolah khas untuk kaum perempuan. Namun,

James Brooke mendapat kuasa memerintah Sarawak setelah berjaya membantu Pangeran Muda Hashim menamatkan pemberontakan di Sarawak. Kemudian, pada tahun 1842 beliau diiktiraf oleh Sultan Brunei sebagai pemerintah Sarawak yang sah. Sumber: Baring-Gould, S. & C.A., Bampfylde, *A history of Sarawak under its two white Rajahs, 1839-1908*, London: Henry Sotheran, 1909, hlm. 69-85.

⁸ Margaret Alice Lili de Windt ialah Ranee Sarawak, isteri kepada Rajah Brooke Kedua, Charles Anthony Johnson Brooke. Beliau menjejakkan kaki buat pertama kali di Sarawak pada tahun 1870 sejurus selepas berkahwin dengan Rajah Charles Brooke pada 28 Oktober 1869. Pada tahun 1913, beliau telah menerbitkan sebuah buku yang bertajuk "My life in Sarawak". Buku tersebut mengisahkan kehidupan beliau sepanjang berada di Sarawak. Rujukan lanjut lihat Brooke, M., *My life in Sarawak*, London: Methuen & CO. LTD, 1913, hlm. 1-313. Lihat juga Baring-Gould, S. & C.A., Bampfylde, *A history of Sarawak*, hlm. 393-424.

⁹ Nama sebenar beliau ialah, Dayang Sa'adah (Sahada) binti Datu Patinggi Ghafur. Beliau merupakan menantu kepada Datu Isa dan isteri kepada Datu Bandar Abang Haji Kassim. Beliau telah menunjukkan minat dan kemajuan yang memberangsangkan dalam kelas belajar yang diadakan di Astana negeri. Kejayaan beliau menulis Sejarah Sarawak dalam tulisan jawi berjaya mematahkan stereotaip masyarakat terhadap wanita pandai. Beliau juga merupakan ibu kepada Datu Patinggi Abang Haji Abdillah. Beliau meninggal dunia pada 20 Julai 1921, iaitu dua hari selepas kematian suaminya, semasa menunaikan Haji di Mekah. Sumber: Ninie Amira Drahim & Farid Mat Zain. Biografi Datu Patinggi Abang Haji Abdillah: Tokoh nasionalisme Negeri Sarawak, *Prosiding Nadwah Ulama Nusantara (NUN): Ulama dan Pemikiran Wasatiyah Nusantara*. Bangi: Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. hlm. 216.

¹⁰ Brooke, M., *My life in Sarawak*, hlm. 162.

¹¹ Datu Bandar Abang Haji Kasim bin Datu Bandar Haji Bolhassan merupakan anak kepada Datu Isa dan juga merupakan suami kepada Dayang Sahada. Beliau juga merupakan bapa kepada tokoh politik Sarawak yang terkenal iaitu Datu Patinggi Abang Haji Abdillah yang pernah terlibat dalam gerakan Anti penyerahan Sarawak kepada British dan cucu kepada tokoh pejuang Melayu yang bernama Datu Patinggi Ali. Datu Bandar Haji Mohammad Kassim telah meninggal dunia pada 18 Julai 1921 semasa menunaikan fardu haji di Mekah bersama-sama isterinya. Sumber: Ninie Amira Drahim & Farid Mat Zain. "Biografi Datu Patinggi Abang Haji Abdillah.", hlm. 216. Lihat juga Mohd Hasbie Sulaiman, *Perjuangan Anti cession Sarawak: Peranan utama Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak*, Kuching: Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak, 1989, hlm. 27.





cadangan itu tidak pernah dilaksanakan oleh Charles Brooke. Selepas tiga dekad berlalu, Abang Abdillah¹² telah membangkitkan semula usul tersebut semasa Majlis Hari Tahunan *Government Lay School* (GLS) pada tahun 1925.¹³ Vyner Brooke bersetuju dengan usul tersebut dan membenarkan penubuhan sekolah perempuan. Sekolah perempuan bantuan kerajaan yang pertama siap dibina pada tahun 1930 dan diberi nama Sekolah Permaisuri.¹⁴ Sebelum penubuhan Sekolah Permaisuri, pelajar perempuan menumpang belajar di sekolah lelaki. Misalnya, GLS yang ditubuhkan pada tahun 1903 telah menyediakan seksyen khas untuk pelajar perempuan.¹⁵ Namun, disebabkan bilangan mereka sedikit dengan tidak melebihi lima peratus daripada jumlah keseluruhan murid maka kebajikan dan kepentingan mereka tidak diberi perhatian yang sewajarnya.¹⁶ Tambahan pula, kaum wanita ketika itu berdepan dengan pandangan segelintir masyarakat tradisional yang menentang pendidikan diberikan kepada anak perempuan. Oleh itu, penubuhan Sekolah Permaisuri dianggap sebagai satu kejayaan luar biasa kerana berjaya merobohkan benteng masyarakat Melayu yang konservatif.

¹² Datu Patinggi Abang Haji Abdillah dilahirkan di Kuching pada 13 Oktober 1862. Beliau merupakan anak kepada Datu Bandar Abang Haji Kassim bin Datu Bandar Bolhassan dan ibunya ialah Dayang Sa'adah (Sahada) binti Datu Patinggi Ghafur. Beliau merupakan anak Melayu pertama mendapat pendidikan formal dalam Bahasa Inggeris khususnya di Sarawak. Beliau juga yang memimpin dan mengetuai perjuangan orang Melayu dalam Gerakan anti-penyerahan Sarawak kepada British. Datu Patinggi Abang Haji Abdillah telah meninggal dunia pada 22 November 1946. Berita mengenai kematian beliau ini telah memeranjatkan rakyat seluruh Negara dan dunia luar. Pemergian Datu Patinggi Abang Haji Abdillah ini telah menyebabkan Sarawak kehilangan seorang pejuang yang sukar diganti. Sumber: Ninie Amira Drahim & Farid Mat Zain, "Biografi Datu Patinggi Abang Haji Abdillah..", hlm. 215-221. Lihat juga Mohd Hasbie Sulaiman, *Perjuangan Anti cession Sarawak*, hlm. 27-29.

¹³ Sabihah Osman, *Pelajaran bumiputera Sarawak*, hlm. 61.

¹⁴ Syed Idrus Syed Ahmad & R. Santhiram, *Perkembangan pendidikan di Sarawak*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990, hlm. 91.

¹⁵ Ooi Keat Gin, "Women should be..", hlm. 8-9.

¹⁶ Hammond, R.W., *Report Education in Sarawak*, Kuching: Arkib Negeri Sarawak, 1937, hlm. 97.





Bagi masyarakat Cina pula, mereka menguruskan sendiri pendidikan mereka tanpa campur tangan daripada pihak kerajaan Brooke.¹⁷ Masyarakat Cina yang menyedari kepentingan pendidikan untuk anak perempuan lebih gemar menghantar anak mereka ke sekolah dakwah Kristian seperti Sekolah St. Mary dan St. Teresa. Kedua-dua buah sekolah ini didirikan lebih awal daripada penubuhan Sekolah Permaisuri. Pada masa itu, pelajar yang lulus daripada sekolah beraliran Inggeris lebih mudah mendapat pekerjaan di sektor perkhidmatan awam kerana bahasa Inggeris merupakan bahasa pengantar utama. Tambahan pula, kualiti pelajar lepasan sekolah mubaligh juga jauh lebih baik. Manakala, di Sibu Mary Hoover iaitu isteri kepada Reverend Hoover telah mengasaskan Sekolah Perempuan Yuk Ing/Yit Ing pada tahun 1913.¹⁸ Selain pihak gereja, masyarakat Cina yang konservatif juga turut membina sekolah perempuan untuk komuniti mereka sendiri. Sebagai contohnya, komuniti Hokkien di Kuching telah mendirikan sekolah perempuan mereka pada tahun 1927 iaitu *Hokkien Girl School*.¹⁹ Tujuannya bagi menyaingi pendidikan Inggeris dengan memperkenalkan kurikulum yang berkaitan kebudayaan Cina daripada Tanah Besar China.

Manakala, pendidikan wanita masyarakat Dayak telah diletakkan di bawah bidang kuasa badan mubaligh Kristian sepenuhnya. Hal ini demikian kerana, James Brooke menghargai kerja-kerja praktikal badan mubaligh, seperti memberikan bantuan perubatan, membantu masyarakat yang susah, tidak banyak merungut atau

¹⁷ Ooi Keat Gin, *Dunia di seberang sungai*, hlm. 20.

¹⁸ Tercatat di Hoover memorial Garden, Sungai Merah, Sibu. Taman tersebut telah dibina pada tahun 2003 bagi memperingati jasa Reverend (Dr) James Matthew Hoover yang telah berkhidmat sebagai paderi pertama bagi gereja Methodist di Sibu. Sumber: "Hoover memorial garden", <https://www.visitsibu.com/hoover-memorial-garden/> (Diakses pada 15/05/2022)

¹⁹ Sarawak Heritage Society, "The old Hokkien school building, Kuching, Sarawak, (1911)", 18 January 2016. <https://sarawakheritagesocietydotcom.files.wordpress.com/2016/01/20160118-hokk-school-w.pdf> (Diakses pada 14/05/2022)





membantah, serta fokus kepada pendidikan kanak-kanak.²⁰ Tambahan pula, tujuan asal James Brooke menjemput badan mubaligh adalah untuk mentamadunkan masyarakat Dayak, khususnya masyarakat Iban, yang pada masa itu dianggap liar dan agresif. Beliau berharap setelah menganut agama Kristian, sikap masyarakat Dayak dapat diubah.

Seterusnya, pada zaman pemerintahan British pelbagai dasar pelajaran telah diperkenalkan bagi memajukan pendidikan negeri dan merapatkan jurang pendidikan antara kaum. Dasar tersebut telah membawa kepada peningkatan bilangan pelajar di sekolah baik lelaki mahupun perempuan. Sebagai contohnya, nisbah pelajar lelaki dan perempuan pada tahun 1953 ialah 1:2 di sekolah rendah dan 1:2.6 bagi sekolah menengah.²¹ Selain itu, kaedah “bantu diri” yang diperkenalkan oleh British juga membolehkan pihak Lembaga Tempatan dan pengusaha Cina yang kaya untuk menubuhkan sekolah baru di kawasan masing-masing.²² Meskipun demikian, dasar pendidikan British itu masih menyebabkan ketidakseimbangan yang signifikan antara bilangan pelajar lelaki dan perempuan, terlihat daripada jumlah pelajar lelaki yang masih mendominasi.

Keciciran wanita khususnya wanita tempatan dalam pendidikan mendapat perhatian golongan intelektual wanita yang menyedari kepentingan pendidikan. Oleh itu, mereka berusaha untuk menyedarkan masyarakat dan melakukan pelbagai usaha

²⁰ Ooi Keat Gin, *Dunia di seberang sungai*, hlm. 25.

²¹ Porritt, V., *British colonial rule in Sarawak 1946-1963*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1997, hlm. 314.

²² Najihah Abdul Mutalib, Pencapaian masyarakat Melayu Sarawak dalam bidang pendidikan sebelum dan selepas Merdeka, dlm. *Jurnal Pengajian Melayu*, Vol. 20, 2009, hlm. 230. Lihat juga Ooi Keat Gin, *Dunia di seberang Sungai..*, hlm. 120.

<https://ejournal.um.edu.my/index.php/JPM/article/view/9688> (Diakses pada 23/02/2022)





untuk memajukan pendidikan golongan wanita. Usaha mereka dapat dilihat melalui peranan dan tindakan yang dilakukan oleh mereka.

1.3 Permasalahan kajian

Pembangunan pendidikan wanita di Sarawak dilihat berkembang lebih lambat berbanding pendidikan kaum wanita di Tanah Melayu yang mendapat pendidikan formal lebih awal. Sebagai contohnya, pada tahun 1928, jumlah pelajar perempuan di Negeri-negeri Melayu Bersekutu dan Negeri-negeri Selat ialah 9, 560 orang.²³ Malah, di Melaka sahaja terdapat 164 buah sekolah perempuan ditubuhkan sejak tahun 1901-1918.²⁴ Sebaliknya, di Sarawak, sekolah perempuan kerajaan hanya wujud pada tahun 1930. Sebelum itu, kaum wanita yang ingin bersekolah terpaksa menuntut di sekolah perempuan mubaligh. Namun begitu, akses ke sekolah ini tidak terbuka kepada semua wanita. Kebanyakan pelajar sekolah mubaligh terdiri daripada wanita kaum Cina dan mereka yang tinggal di kawasan bandar, memandangkan sekolah tersebut terletak di kawasan bandar. Kesannya, kaum wanita di luar bandar ketinggalan dalam mendapatkan pendidikan. Atas sebab itu, pendidikan wanita di Sarawak berkembang perlahan kerana pendidikan tidak dapat disalurkan secara menyeluruh.

Menyedari kemunduran pendidikan dalam kalangan golongan wanita di Sarawak ketika itu telah menarik perhatian golongan wanita Sarawak yang berpendidikan. Mereka berusaha untuk memajukan pendidikan kepada golongan

²³ Hasnah Hussiin, Isu pendidikan wanita Melayu dalam akhbar dan majalah Melayu, 1920an hingga 1940an, dlm. *Jurnal Sejarah*, Vol. 19(19), 2011, hlm. 139. <https://ejournal.um.edu.my/index.php/SEJARAH/article/view/9231> (Diakses pada 28 September 2024)

²⁴ *Ibid.*





wanita melalui pelbagai inisiatif dan strategi, malah sanggup berkorban masa, tenaga, serta sumber kewangan peribadi demi memajukan pendidikan dalam kalangan masyarakat, khususnya golongan wanita. Sebagai contohnya, mereka menubuhkan persatuan wanita seperti Persatuan Wanita Melayu Sarawak atau Kaum Ibu dan Sarakup Indu Dayak Sarawak sebagai alat untuk memperjuangkan nasib wanita khususnya dalam bidang pendidikan dan ekonomi.

Namun begitu, usaha mereka dalam bidang pendidikan kurang diberi perhatian dalam kajian-kajian terdahulu, kerana kebanyakan pengkaji lebih tertarik untuk meneliti peranan dan keterlibatan wanita dalam arena politik. Selain itu, para pengkaji terdahulu juga gemar menulis tentang perkembangan pendidikan di Sarawak secara umum. Malahan, di setiap penulisan tersebut mereka lebih mengangkat nama wanita Barat seperti Harriette MacDougall, Mary Hoover dan Margaret Brooke sebagai individu yang memberi sumbangan besar dalam sejarah pendidikan negeri. Walaupun tidak dinafikan bahawa wanita Barat tersebut merupakan pelopor kepada perkembangan pendidikan formal untuk kaum wanita di Sarawak namun demikian, wanita Sarawak khususnya golongan wanita yang berpendidikan juga turut menabur bakti kepada perkembangan pendidikan di Sarawak. Justeru itu, kajian ini akan meninjau peranan yang dimainkan oleh golongan wanita Sarawak yang berpendidikan dengan menganalisa pembaharuan serta cabaran yang dihadapi oleh mereka dalam usaha meningkatkan taraf pendidikan golongan wanita di Sarawak antara tahun 1930 hingga 1963.





1.4 Objektif kajian

Melalui kajian ini terdapat empat objektif utama yang digariskan iaitu:

1. Mengkaji latar belakang pendidikan wanita di Sarawak sebelum tahun 1930.
2. Mengenal pasti usaha wanita di Sarawak dalam memajukan pendidikan kaum wanita dalam tempoh 1930-1963.
3. Membincangkan cabaran dan halangan yang dihadapi dalam usaha membangunkan pendidikan kaum wanita di Sarawak.
4. Menganalisis impak pendidikan kepada wanita di Sarawak pada ketika itu.

1.5 Soalan kajian



Antara soalan kajian yang dikemukakan ialah:

1. Apakah latar belakang dan jenis pendidikan wanita di Sarawak sebelum tahun 1930?
2. Apakah usaha yang dilakukan oleh wanita di Sarawak dalam memajukan pendidikan kaum wanita?
3. Apakah cabaran dan halangan dalam usaha untuk membangunkan pendidikan wanita di Sarawak?
4. Apakah impak perkembangan pendidikan kepada wanita di Sarawak?





1.6 Kepentingan kajian

Kajian ini penting kerana ia mengambil kira usaha perjuangan dan sumbangan kaum wanita di Sarawak dalam bidang pendidikan pada era sebelum kemerdekaan negeri. Hal ini berlaku demikian kerana kebanyakan kajian sebelum ini lebih menekankan peranan dan keterlibatan wanita Sarawak dalam bidang politik sahaja. Oleh itu, dalam kajian ini peranan dan usaha yang dilakukan oleh kaum wanita di Sarawak dalam memajukan pendidikan akan dikupas secara lebih mendalam. Secara tidak langsung, kajian ini dapat membuktikan kepada masyarakat khususnya generasi baharu bahawa sepertimana kaum lelaki dan wanita barat, wanita Sarawak juga turut menabur bakti kepada pembangunan pendidikan negeri khususnya terhadap pendidikan wanita. Atas sebab itu, usaha kaum wanita Sarawak dalam pendidikan perlu didokumentasikan untuk menjadi tatapan generasi akan datang.

Selain itu, kajian sejarah wanita ini juga penting bagi mengubah pandangan stereotaip masyarakat terhadap ketidakmampuan wanita menggalas tanggungjawab yang besar. Malahan, masyarakat juga selalu beranggapan bahawa wanita tidak sesuai untuk memimpin masyarakat. Oleh itu, kajian ini dapat dijadikan bukti bahawa kaum wanita juga tidak kalah hebatnya dengan kaum lelaki dalam apa jua bidang yang mereka ceburi. Seterusnya, diharap juga kajian ini dapat menyuntik semangat pengkaji lain untuk menjalankan lebih banyak kajian berkaitan wanita di Sarawak agar masyarakat sedar akan pengorbanan dan sumbangan wanita dalam memajukan negeri sekali gus memperkayakan lagi bahan bacaan ilmiah yang berkaitan dengan wanita di Sarawak.





Di samping itu, kajian ini juga penting kerana memaparkan sejarah perkembangan pendidikan wanita di Sarawak. Kajian berkenaan pendidikan di Sarawak telah banyak dibuat oleh para pengkaji terdahulu namun kajian berkaitan pendidikan wanita masih belum banyak diteroka. Kebanyakan pengkaji hanya membincangkan pendidikan wanita secara sepintas lalu. Malah, perkembangan pendidikan wanita khususnya pada zaman pentadbiran British juga jarang disentuh. Ini menyebabkan maklumat berkaitan pendidikan wanita adalah terhad dan sukar diperoleh. Oleh itu, diharap kajian ini dapat membantu masyarakat dan semua pihak berkepentingan untuk memahami dan mengetahui lebih lanjut tentang sejarah berkembangnya pendidikan formal untuk wanita di Sarawak.

Kajian ini juga penting kerana dapat dijadikan panduan oleh pihak Kementerian seperti Kementerian Pendidikan serta Kementerian Wanita, Keluarga dan Masyarakat terutamanya untuk cawangan Sarawak. Hal ini demikian kerana, kajian ini mengandungi banyak maklumat berkaitan perkembangan pendidikan di Sarawak. Dengan itu, pihak Kementerian Pendidikan boleh menggunakan kajian ini sebagai rujukan dalam merangka dasar pendidikan yang sesuai untuk kaum wanita pada masa kini. Selain itu, kajian ini juga turut memaparkan sumbangan tokoh-tokoh wanita Sarawak terdahulu dalam usaha mereka memperkasakan kaum wanita. Secara tidak langsung, Kementerian Wanita, Keluarga dan Masyarakat, khususnya cawangan negeri Sarawak boleh menjadikan kajian ini sebagai rujukan dan panduan dalam merancang pelan pembangunan wanita yang sesuai dengan peredaran zaman.





1.7 Skop kajian

Kajian ini dijalankan dengan memfokuskan kepada penglibatan wanita Sarawak dalam pembangunan pendidikan untuk kaum wanita. Jangka masa yang dipilih adalah dari tahun 1930 sehingga tahun 1963. Tahun 1930 ialah tahun penting dalam sejarah pendidikan wanita di Sarawak kerana pada tahun tersebut sekolah perempuan bantuan kerajaan yang pertama iaitu Sekolah Permaisuri telah ditubuhkan. Penubuhan Sekolah Permaisuri ini dianggap pencapaian yang luar biasa ketika itu kerana berjaya merobohkan benteng masyarakat konservatif yang menentang pendidikan untuk anak perempuan. Ia juga menunjukkan perubahan sikap Brooke terhadap pendidikan kaum wanita. Manakala, tahun 1963 dipilih sebagai batasan tahun kajian kerana berakhirnya zaman penjajahan kuasa asing di Sarawak dengan tertubuhnya negara Malaysia.



Pemilihan Sarawak sebagai lokasi kajian adalah disebabkan pembangunan pendidikan wanita di Sarawak dilihat berkembang lebih lambat berbanding pendidikan wanita di negara jiran seperti Tanah Melayu dan Indonesia. Misalnya, berdasarkan perangkaan tahun 1908-1918, negeri Melaka sudah mempunyai 164 buah sekolah perempuan dengan bilangan pelajar seramai 2,966 orang.²⁵ Keadaan ini jauh berbeza dengan Sarawak, yang pada tahun 1930 hanya memiliki sebuah sekolah perempuan kerajaan, manakala selebihnya adalah sekolah perempuan mubaligh dan sekolah persendirian. Perkembangan pesat pendidikan wanita di Tanah Melayu juga berlaku berikutan perjuangan golongan wanita berpendidikan, seperti Zainon Munshi Sulaiman atau Ibu Zain, yang memainkan peranan penting dalam memajukan pendidikan masyarakat, khususnya wanita. Secara tidak langsung, ini menimbulkan

²⁵ Hasnah Hussiin, "Isu pendidikan wanita Melayu..", hlm. 144.





persoalan: apakah wanita di Sarawak tidak menyumbang kepada pembangunan pendidikan seperti wanita di Tanah Melayu? Berdasarkan persoalan tersebut, Sarawak dipilih sebagai lokasi kajian kerana pengkaji ingin mengkaji perkembangan pendidikan wanita di Sarawak serta meninjau peranan yang dimainkan oleh wanita Sarawak dalam membangunkan pendidikan masyarakat, khususnya wanita.

1.8 Definisi operasional

Untuk melaksanakan kajian ini, pemahaman kepada tajuk kajian adalah penting bagi mengetahui hala tuju kajian yang ingin dijalankan. Berikut ialah definisi operasional yang menjadi kata kunci dalam kajian yang dijalankan.



1.8.1 Pembangunan

Pembangunan mempunyai makna yang positif iaitu untuk memajukan, mengembangkan, meningkatkan dan mengubah sesuatu perkara ke arah lebih baik. Oleh itu, Muhamad Fadhil (2015) yang dipetik dalam Haliza Abdul Rahman mentafsirkan pembangunan sebagai satu proses untuk memajukan atau memperbaiki sesuatu keadaan melalui pelbagai tahap secara terancang dan berkesinambungan.²⁶ Haliza Abdul Rahman turut memetik kenyataan Munck (1994) dalam kajiannya bertajuk *Democracy and Development: Deconstruction and Debates*, bahawa pembangunan adalah satu proses kemajuan daripada keadaan mundur kepada moden,

²⁶ Haliza Abdul Rahman, Mengungkap makna dan aspirasi pembangunan dalam konteks kemampanan persekitaran, dlm. *Asian Journal of Environment, History and Heritage*, Vol. 2(1), 2018, hlm. 269. <https://spaj.ukm.my/ajehh/index.php/ajehh/article/view/56> (Diakses pada 12/06/2022)





daripada masyarakat yang sederhana kepada yang lebih kompleks, dan daripada sesuatu yang buruk kepada yang lebih baik.²⁷

Seterusnya, Bintoro Tjokroamidjojo yang dipetik dalam *Konsep dan teori Pembangunan* oleh Drajat Tri Kartono & Hanif Nurcholis pula menyatakan bahawa pembangunan merupakan suatu proses perubahan sosial berencana, kerana meliputi berbagai dimensi untuk mengusahakan kemajuan dalam kesejahteraan ekonomi, modenisasi, pembangunan bangsa, wawasan lingkungan dan bahkan peningkatan kualitas manusia untuk memperbaiki kualitas hidupnya.²⁸ Pendapat beliau selari dengan kenyataan Riyadi dan Deddy Supriyadi Bratakusumah yang turut dipetik dalam Drajat Tri Kartono & Hanif Nurcholis mendefinisikan pembangunan sebagai proses untuk melakukan perubahan manakala, Ginanjar Kartasasmita mentafsirkan pembangunan sebagai suatu proses perubahan ke arah yang lebih baik melalui upaya yang dilakukan secara terencana.²⁹ Sementara itu, takrifan pembangunan menurut Siagian P. Sondang yang dipetik dalam artikel yang sama ialah suatu usaha atau rangkaian usaha pertumbuhan dan perubahan yang berencana dan dilakukan secara sadar oleh suatu bangsa, negara dan pemerintah menuju modernitas dan rangka pembinaan bangsa.³⁰

Dalam buku *Pengantar Teori Pembangunan*, Syed Agung Afandi, Muslim Afandi dan Rizki Erdayani menjelaskan bahawa pembangunan dapat dilakukan melalui beberapa gabungan proses sosial, ekonomi dan institutional yang mencakup

²⁷ *Ibid.*

²⁸ Drajat Tri Kartono & Hanif Nurcholis, *Konsep dan teori Pembangunan*, hlm. 6-7. <https://pustaka.ut.ac.id/lib/wp-content/uploads/pdfmkn/IPEM4542-M1.pdf> (Diakses pada 12/06/2022)

²⁹ *Ibid.*

³⁰ *Ibid.*





usaha-usaha untuk mencapai kehidupan yang lebih baik.³¹ Berdasarkan tafsiran-tafsiran tersebut, dapatlah diringkaskan bahawa pembangunan merupakan sebuah proses transformasi yang bertujuan untuk memartabatkan dan memperkasa taraf atau kualiti hidup sesebuah masyarakat dan negara ke tahap yang lebih baik. Konsep pembangunan tersebut diguna pakai oleh wanita berpendidikan di Sarawak dalam membangunkan pendidikan masyarakat amnya dan wanita khususnya. Ini disebabkan, mereka sedar akan kemunduran kaum wanita berbanding kaum lelaki. Mereka juga sedar kaum wanita di negeri jiran seperti di Tanah Melayu semakin maju manakala wanita di Sarawak masih jauh ketinggalan. Oleh itu, mereka berusaha untuk menaik taraf kehidupan wanita di Sarawak melalui pendekatan pendidikan. Hal ini demikian kerana, wanita berpendidikan percaya hanya pendidikan yang mampu mengubah kehidupan wanita dan juga masyarakat Sarawak menjadi lebih baik. Justeru, dalam kajian ini pembangunan yang dimaksudkan ialah usaha wanita Sarawak yang berpendidikan dalam melestarikan pendidikan masyarakat terutamanya pendidikan kaum wanita.

1.8.2 Pendidikan

Perkataan *education* terbentuk hasil daripada dua perkataan Latin, *educere* yang bermaksud membimbing atau melatih dan *educare* bererti melatih atau mengasuh.³² Namun, setiap individu mempunyai tafsiran yang berbeza tentang makna pendidikan. Mok Soon Sang dalam bukunya bertajuk *Falsafah dan Pendidikan di Malaysia*

³¹ Syed Agung Afandi, Muslim Afandi & Rizki Erdayani, *Pengantar Teori Pembangunan*, Yogyakarta: Bintang Semesta Media, 2022, hlm. 1-2.

³² Mok Soon Sang, *Falsafah dan pendidikan di Malaysia*, Kuala Lumpur: Penerbitan Multimedia Sdn Bhd, 2009, hlm. 121.





menjelaskan bahawa pendidikan berkait rapat dengan aktiviti persekolahan kerana setiap aktiviti mempunyai objektif, rancangan dan organisasi untuk mendidik murid-murid supaya menjadi insan yang berilmu pengetahuan, berakhlak mulia dan menguasai kemahiran tertentu, demi berupaya menyesuaikan diri dalam masyarakatnya pada masa depan.³³ Seterusnya, Edwin S. J. dalam bukunya berjudul *Dictionary of Education* pula menganggap pendidikan sebagai satu bidang dalam sains sosial yang merangkumi pengajaran dan pembelajaran sesuatu ilmu pengetahuan, kepercayaan dan kemahiran khusus.³⁴ Manakala, Jean Jacques Rousseau dalam Mok Soon Sang mendefinisikan pendidikan sebagai suatu proses yang berterusan dan bermula daripada masa kanak-kanak kecil. Oleh itu, jelaslah bahawa pendidikan melibatkan kegiatan pengajaran dan pembelajaran dengan matlamat akhir untuk mendapatkan ilmu pengetahuan. Namun, dalam kajian ini pendidikan yang akan diberi tumpuan ialah pendidikan kaum wanita sahaja.



1.9 Kajian literatur

Di dalam pensejarahan Sarawak, kajian berkenaan pendidikan wanita kurang diketengahkan oleh para pengkaji kerana mereka lebih berminat dengan sejarah berkaitan politik, perang dan tokoh lelaki yang sumbernya senang diperoleh. Oleh itu, dalam melakukan kajian ini kajian perpustakaan yang mendalam perlu dilakukan bagi menentukan sumber yang dapat menyumbang kepada kajian. Dengan itu, kajian perpustakaan telah dibahagikan kepada dua kategori. Pertama, kajian lepas berkaitan sejarah pendidikan di Sarawak. Kajian tentang sejarah pendidikan di Sarawak adalah

³³ *Ibid.*, hlm. 122.

³⁴ Edwin, S. J, *Dictionary of education*, Delhi: Ivy Publishing House, 2008, hlm. 163.





penting bagi melihat aspek dan perkara yang diketengahkan dalam penulisan para pengkaji terdahulu. Kedua, kajian lepas yang berkaitan dengan wanita di Sarawak. Kajian ini perlu dilakukan bagi mengenal pasti usaha wanita Sarawak dalam memartabatkan pendidikan wanita di Sarawak ketika itu. Kajian-kajian tersebut akan dijadikan panduan dalam menghasilkan kajian yang bermutu tinggi.

Sabihah Osman dalam karyanya yang bertajuk *Perkembangan pelajaran bumiputera Sarawak 1841-1941*³⁵ mengatakan bahawa perkembangan pendidikan masyarakat bumiputera Sarawak pada zaman pemerintahan rejim Brooke masih kurang memberangsangkan. Menurut Sabihah, ia berpunca dari dasar pelajaran Brooke yang tidak tersusun. Brooke dilihat tidak pernah bersungguh-sungguh untuk memajukan pendidikan masyarakat Sarawak. Namun demikian, pendidikan masyarakat Melayu dilihat jauh lebih baik berbanding pendidikan masyarakat bumiputera yang lain. Jelasnya, masyarakat Melayu sudah mempunyai sistem pendidikan tradisional tersendiri sebelum kedatangan Brooke iaitu membaca dan menulis dalam bahasa jawi. Pada zaman pemerintahan rejim Brooke pula, sekolah Melayu telah dibina untuk masyarakat Melayu. Berbeza dengan masyarakat bumiputera lain yang hanya bergantung kepada ihsan pihak gereja untuk menyediakan pendidikan untuk mereka. Secara keseluruhannya, pendidikan bumiputera di Sarawak pada zaman pemerintahan rejim Brooke masih kurang memuaskan. Walaupun membincangkan tentang pendidikan di Sarawak namun fokus Sabihah lebih kepada perkembangan pendidikan bumiputera secara umum sahaja dan bukan berkenaan dengan pendidikan wanita.

³⁵ Sabihah Osman, *Perkembangan pelajaran bumiputera Sarawak 1841-1941*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990.





Sikap Brooke yang tidak memandang serius pendidikan masyarakat turut diakui oleh Ooi Keat Gin di dalam kajiannya bertajuk *Dunia di seberang sungai: Pendidikan di Sarawak dari zaman pemerintahan Brooke hingga ke pentadbiran Pejabat Tanah*.³⁶ Menurut Ooi Keat Gin, sikap acuh tak acuh daripada pihak berkuasa menyebabkan kemajuan dalam bidang pendidikan adalah begitu lembap. Berbeza dengan Sabihah Osman yang lebih menekankan pendidikan bumiputera sahaja, Ooi pula membahagikan penulisannya kepada tiga aliran iaitu pendidikan Melayu, Cina dan mubaligh Kristian. Selain itu, Ooi Keat Gin turut memuji dasar pendidikan yang diperkenalkan oleh kerajaan British. Jelasnya, kaedah dan rancangan pendidikan British tersebut telah berjaya meningkatkan taraf pendidikan masyarakat. Penduduk Sarawak juga dikatakan menunjukkan sikap yang positif terhadap aktiviti-aktiviti pendidikan yang diperkenalkan.



Seterusnya, Syed Idrus dan R. Santhiram juga turut membincangkan tentang perkembangan pendidikan di Sarawak melalui bukunya berjudul *Perkembangan pendidikan di Sarawak*.³⁷ Menurut Syed Idrus dan R. Santhiram, pendidikan pada zaman Brooke dan British menunjukkan banyak perubahan. Ini kerana, British lebih menitikberatkan pendidikan berbanding Brooke. Misalnya, pelbagai kaedah dan dasar pendidikan yang diperkenalkan telah merancakkan lagi sistem pendidikan di Sarawak. Namun perubahan yang paling ketara adalah kepesatan sekolah persendirian Cina berbanding sekolah mission dan sekolah Melayu. Golongan Cina yang berada mendirikan banyak sekolah persendirian untuk komuniti masing-masing. Walau bagaimanapun sepertimana Sabihah Osman dan Ooi Keat Gin, Syed Idrus dan R.

³⁶ Ooi Keat Gin, *Dunia di seberang sungai: Pendidikan di Sarawak dari zaman pemerintahan Brooke hingga ke pentadbiran Pejabat Tanah*, Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia, 2001.

³⁷ Syed Idrus Syed Ahmad & R. Santhiram, *Perkembangan pendidikan di Sarawak*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990.





Santhiram juga lebih memfokuskan kajian kepada perkembangan pendidikan di Sarawak secara umum sahaja. Namun, ketiga-tiga buku itu sangat membantu kajian kerana terdapat banyak maklumat dan fakta-fakta sejarah berkenaan pendidikan wanita terkandung dalam penulisan tersebut. Oleh itu, pembacaan ke atas ketiga-tiga buah buku ini adalah penting bagi memahami senario pendidikan masyarakat Sarawak ketika itu.

Selanjutnya, Vernon L. Porritt dalam bukunya bertajuk *British colonial rule in Sarawak 1946-1963*³⁸ membincangkan peranan British sepanjang mentadbir negeri Sarawak. Perbincangan mengenai pendidikan dapat dilihat dalam bab keenam belas buku ini. Walau bagaimanapun, Porritt hanya membahas perkembangan pendidikan di Sarawak secara umum sahaja dengan mengatakan pendidikan di Sarawak semasa di bawah pemerintahan British menunjukkan kemajuan kerana berlaku pertumbuhan pesat sekolah dan peningkatan bilangan pelajar berbanding pada zaman Brooke. Perbincangan mengenai pendidikan wanita hanya disentuh sepintas lalu sahaja. Porritt juga tidak membincangkan tentang peranan wanita dalam pendidikan. Namun demikian, kajian Porritt telah membantu memberi sedikit maklumat berkenaan pendidikan wanita pada zaman British.

Kajian bertajuk *Kedudukan orang Melayu Sarawak di bawah penjajahan British 1946-1963*³⁹ oleh Hashim Fauzy Yaacob pula membincangkan tentang kedudukan orang Melayu di bawah penjajahan British termasuk kedudukan mereka dalam bidang pendidikan iaitu dalam bab empat dan bab lima. Menariknya buku ini

³⁸ Porritt, V., *British colonial rule in Sarawak 1946-1963*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1997.

³⁹ Hashim Fauzy Yaacob, *Kedudukan orang Melayu Sarawak di bawah penjajahan British 1946-1963*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2014.



ialah pendapat penulisnya yang bertolak belakang dengan pendapat Ooi Keat Gin. Sekiranya Ooi Keat Gin memuji dasar pelajaran British, Hashim Fauzy Yaacob pula mengkritik dasar tersebut kerana dilihat kurang berkesan dalam memajukan pendidikan masyarakat Melayu. Ini kerana, pendidikan masyarakat tempatan amnya dan Melayu khususnya pada zaman British dilihat masih jauh ketinggalan berbanding pendidikan masyarakat pendatang seperti Cina dan Eropah. Hashim Fauzy Yaacob menegaskan bahawa dasar pelajaran British hanya menguntungkan masyarakat bukan tempatan dan merugikan orang Melayu. Meskipun penulis tidak menceritakan secara langsung tentang pendidikan wanita, namun penulisan ini telah membantu dalam memahami senario pendidikan masyarakat Melayu di Sarawak pada zaman British.

Kemunduran masyarakat Melayu dalam bidang pendidikan turut diakui oleh Nordi Achie dalam artikelnya yang bertajuk *Kemunduran pendidikan masyarakat Melayu pada awal pemerintahan Kolonial British 1946-1950: Satu tinjauan daripada perspektif Utusan Sarawak 1949-1950*.⁴⁰ Jelasnya, kemunduran tersebut berpunca dari dasar British yang tidak bersungguh-sungguh untuk memajukan pendidikan orang Melayu. Oleh sebab itu, *Utusan Sarawak* yang menyedari kemunduran pendidikan orang Melayu berbanding masyarakat Cina telah berusaha untuk menyedarkan masyarakat tentang kepentingan pendidikan. *Utusan Sarawak* juga menyarankan beberapa langkah untuk mengatasi masalah yang mengekang kemajuan pendidikan orang Melayu. Meskipun artikel ini tidak menyentuh tentang pendidikan dan peranan wanita, namun kajian ini telah memberi maklumat tambahan berkenaan pendidikan masyarakat Melayu.

⁴⁰ Nordi Achie, Kemunduran pendidikan masyarakat Melayu di Sarawak pada awal pemerintahan kolonial British 1946-1950: Satu tinjauan daripada perspektif Utusan Sarawak, 1946-1950. dlm. *Jurnal Malaysia Dari Segi Sejarah*, Vol. 29(2), 2001.
https://myrepositori.pnm.gov.my/xmlui/bitstream/handle/123456789/1324/MDSS_2001_Bil29_02.pdf?sequence=1&isAllowed=y (Diakses pada 20/01/2022)



Seterusnya, Ooi Keat Gin menerusi kajiannya yang bertajuk *Women Should be helpmates and not drags upon their husbands: Female education in Brooke Sarawak, 1841-1941*⁴¹ telah memperlihatkan peranan badan dakwah sebagai perintis kepada pendidikan formal wanita di Sarawak. Hal ini berlaku demikian kerana, badan dakwah Kristian merupakan pihak yang bertanggungjawab dalam menubuhkan sekolah perempuan terawal di Sarawak iaitu Sekolah St. Mary (1850) dan Sekolah St. Teresa (1885). Ooi juga turut menekankan peranan wanita Eropah dalam merintis pendidikan untuk kaum wanita di Sarawak. Misalnya, Ooi mengetengahkan peranan Ranee Margaret dalam penubuhan Sekolah Permaisuri dan peranan Mary Hoover dalam menubuhkan sekolah untuk kaum wanita komuniti Foochow di Sib. Menurut Ooi lagi, peranan yang dimainkan oleh wanita Eropah ini berjaya menarik minat kaum wanita untuk belajar seperti kaum lelaki. Sungguhpun begitu, perkembangan pendidikan wanita pada zaman rejim Brooke dilihat masih ketinggalan berbanding pendidikan kaum lelaki. Ooi melihat kemunduran itu berpunca daripada sikap masyarakat yang menolak pemberian pendidikan untuk wanita serta dasar pendidikan Brooke yang tidak memandang serius pendidikan masyarakat khususnya kaum wanita. Berdasarkan artikel ini dapatlah dilihat bahawa Ooi menekankan peranan badan mubaligh dan wanita Eropah dalam merintis pendidikan wanita di Sarawak. Manakala, peranan wanita tempatan tidak disentuh dalam penulisannya. Selain itu, Ooi juga hanya membincangkan sejarah pendidikan wanita pada zaman pemerintahan Brooke sahaja. Oleh itu, selain daripada menekankan peranan wanita Sarawak dalam bidang pendidikan, sejarah pendidikan kaum wanita pada zaman pentadbiran British juga akan dikupas dalam kajian ini.

⁴¹ Ooi Keat Gin, *Women should be helpmates and not drags upon their husbands: Female education in Brooke Sarawak, 1841-1941*, dlm. *International Interdisciplinary Congress on Women*, Australia: Adelaide, 22-26 April 1996.





Najihah Abdul Mutalib pula menerusi karyanya *Pencapaian masyarakat Melayu Sarawak dalam bidang pendidikan sebelum dan selepas Merdeka*⁴² berpendapat pencapaian masyarakat Melayu dalam bidang pendidikan bergantung kepada tahap kesedaran masyarakat tentang kepentingan pendidikan. Oleh sebab itu, Najihah menilai pencapaian masyarakat Melayu pada zaman Brooke adalah kurang memberangsangkan kerana faktor kesedaran masyarakat tentang kepentingan pendidikan masih rendah. Namun, pada zaman British pula Najihah melihat masyarakat Melayu mulai menyedari kepentingan sehingga berlakunya peningkatan bilangan sekolah dan pelajar Melayu. Sungguhpun begitu, pendidikan orang Melayu dilihat masih ketinggalan di belakang pendidikan orang Cina. Oleh itu, Najihah menyalahkan kaedah bantu diri yang diperkenalkan oleh British sebagai langkah untuk melepaskan tanggungjawab. Ini kerana, tanggungjawab mengurus sekolah telah diserahkan kepada pihak Lembaga Tempatan sepenuhnya. Sekolah yang didirikan oleh Lembaga Tempatan hanya menyediakan pendidikan peringkat rendah sahaja. Hal ini telah menyekat kemajuan masyarakat Melayu apabila berlaku ketidakseimbangan kaum dalam pendidikan di peringkat menengah. Bagi pencapaian masyarakat Melayu selepas kemerdekaan negeri pula dilihat semakin memuaskan kerana pelbagai pembaharuan dalam pendidikan telah dilakukan oleh kerajaan Malaysia. Sungguhpun kajian ini tidak menyentuh tentang pendidikan wanita namun sedikit sebanyak kajian ini telah membantu memberi maklumat tentang pendidikan orang Melayu di Sarawak ketika itu.

⁴² Najihah Abdul Mutalib, *Pencapaian masyarakat Melayu Sarawak dalam bidang pendidikan sebelum dan selepas Merdeka*, dlm. *Jurnal Pengajian Melayu*, Vol. 20(1), 2009. <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JPM/article/view/9688> (Diakses pada 23/02/2022)





Seterusnya, Angelina Ansley dan Bilcher Bala dalam kajian yang bertajuk *Satu sejarah pendidikan masyarakat Bidayuh di Sarawak sebelum tahun 1963*⁴³ membahaskan tentang perkembangan pendidikan masyarakat Bidayuh di Sarawak dalam tiga era pemerintahan iaitu Brooke, Jepun dan British. Penulis menganggap era Brooke sebagai titik permulaan kepada pendidikan formal masyarakat Bidayuh. Jelasnya, sebelum kedatangan Brooke, masyarakat Bidayuh tidak pernah didedahkan dengan pendidikan formal. Namun, apabila Brooke memerintah Sarawak, pendidikan formal telah diperkenalkan melalui penubuhan sekolah mission oleh golongan mubaligh Kristian. Manakala, pada zaman pendudukan Jepun tiada perkembangan berlaku kerana semua sekolah mubaligh telah diarahkan tutup oleh tentera-tentera Jepun. Seterusnya, pada zaman British pendidikan masyarakat Bidayuh dikatakan semakin maju kerana dasar pelajaran British meliputi penduduk yang tinggal di kawasan luar bandar dan persisiran. Manakala, Siti Nuraisah Halmi dan Khairi Arifin dalam kajian yang bertajuk *Kesan perkembangan pendidikan sekolah mubaligh di Kuching, 1848-1963*⁴⁴ pula memerihalkan kesan perkembangan pendidikan mubaligh yang paling ketara ialah penyebaran agama Kristian dan penyerapan budaya barat dalam kehidupan masyarakat di Kuching. Meskipun tidak menyentuh tentang pendidikan wanita, namun kedua-dua artikel ini telah memperlihatkan kesan perkembangan pendidikan mubaligh kepada masyarakat Sarawak amnya dan masyarakat Dayak khususnya.

⁴³ Ansley, Angelina & Bala, Bilcher, Satu sejarah pendidikan masyarakat Bidayuh di Sarawak sebelum tahun 1963, dlm. *Jurnal Borneo Arkhailogia*, Vol. 3(2), 2018.

<https://jurcon.ums.edu.my/ojums/index.php/JBA/article/view/1623> (Diakses pada 23/02/2022)

⁴⁴ Siti Nuraisah Halmi & Khairi Arifin, Kesan perkembangan pendidikan sekolah mubaligh di Kuching, 1848-1963, dlm. *Jurnal Perspektif*, Vol. 12(2), 2020.

<https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/PERS/article/download/3112/2657/> (Diakses pada 23/01/2022)





Selanjutnya, Ong Puay Liu et al dalam artikel yang bertajuk, *The making of Malaysian solidarity: A Historical look at education and social cohesion in Sarawak*⁴⁵ mengatakan bahawa sistem pendidikan Brooke dan British yang berpandukan dasar pecah dan perintah telah mempengaruhi kesepaduan sosial masyarakat di Malaysia khususnya di Sarawak. Jelas penulis, dasar yang mengasingkan pendidikan masyarakat mengikut kaum itu telah menimbulkan rasa perbezaan kaum dalam kalangan masyarakat di Sarawak. Sungguhpun penulisan ini tidak membincangkan pendidikan wanita atau peranan wanita, namun penulisan ini telah membantu dalam memahami kesan sistem pendidikan penjajah kepada perpaduan sosial masyarakat di Malaysia khususnya Sarawak.

Seterusnya mengulas kajian berkenaan wanita di Sarawak pula, majoriti pengkaji terdahulu lebih mengetengahkan peranan dan keterlibatan wanita dalam bidang politik. Misalnya, Hew Cheng Sim dan Rokiah Talib dalam karya yang berjudul *Tra Zehnder: Iban woman patriot of Sarawak*⁴⁶ lebih menumpukan peranan dan penglibatan Tra Zehnder dalam bidang politik berbanding dengan bidang pendidikan. Misalnya, penulis memperlihatkan peranan Tra sewaktu menduduki kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) dan penglibatannya dalam politik kepartian selepas kemerdekaan Sarawak. Sungguhpun begitu, menerusi kajian ini penulis turut memperlihatkan sumbangan Tra dalam bidang pendidikan khususnya semasa beliau masih memegang kerusi di DUN. Namun, tidak banyak yang disentuh oleh penulis. Justeru, dalam kajian yang dibuat nanti, peranan wanita seperti Tra Zehnder dalam bidang pendidikan akan dikupas secara lebih lanjut.

⁴⁵ Ong Puay Liu et al, *The making of Malaysian solidarity: A historical look at education and social cohesion in Sarawak*, dlm. *Geografia-Malaysian Journal of Society and space*, Vol. 10(1), 2014. <https://ejournal.ukm.my/gmjss/article/view/18363/5788> (Diakses pada 25/01/2022)

⁴⁶ Hew Cheng Sim & Rokiah Talib, *Tra Zehnder: Iban woman patriot of Sarawak*, Kota Samarahan: Universiti Malaysia Sarawak, 2011.





Nadrawina Isnin⁴⁷ yang menulis biografi Barbara Mendu Bay juga lebih mengetengahkan peranan dan sumbangan beliau dalam kegiatan sosial serta politik. Sebagai aktivis, penulis mengatakan Barbara pernah menyeludup makanan kepada tahanan British yang dikurung tentera Jepun. Beliau juga mendirikan sekolah percuma dan gereja di Kuching. Sekolah dan gereja tersebut dikatakan masih wujud sehingga sekarang. Penulis turut mengatakan beliau sering berkunjung ke kawasan pesisir bagi memujuk ibu bapa untuk menghantar anak perempuan mereka ke sekolah sehingga sanggup menjadikan rumahnya sebagai tempat tinggal gadis Iban yang belajar di Kuching. Menurut penulis, tindakan Barbara itu didasari oleh keinginan beliau untuk melihat kaum wanita bumiputera maju seperti kaum wanita lain. Di samping itu, penulis turut memperlihatkan keterlibatan beliau dalam mengasaskan *Sarawak United People's Party* (SUPP) dan Sarakup Indu Dayak (SID). Sungguhpun penulisan ini lebih kepada penglibatan Barbara dalam kegiatan sosial dan politik, namun ia telah membantu kajian kerana dalam kegiatan sosial yang dilakukan telah memperlihatkan sumbangan beliau dalam bidang pendidikan khususnya pendidikan untuk wanita.

Seterusnya, kajian Welyne Jeffery Jehom yang bertajuk *Lily Eberwein: Her life and involvement in the anti-cession movement*⁴⁸ pula memperlihatkan penglibatan Lily Eberwein Abdullah @ Cikgu Lily dalam gerakan anti-penyerahan Sarawak kepada British. Cikgu Lily dikatakan memainkan peranan yang besar dalam mengetuai kaum wanita untuk menentang penyerahan Sarawak kepada British. Beliau dilantik sebagai ketua Kaum Ibu *Malay National Union* (MNU) dan sebagai tanda

⁴⁷ Nadrawina Isnin, Biography: Unsung heroes of Barbara Mendu Bay, dlm. *International Conference of Historians of Asia (IAHA 2014)*, Alor Setar: Kedah, 23-27 Ogos 2014.

⁴⁸ Jehom, Welyne Jeffery, "Lily Eberwein: Her life and involvement in the anti-cession movement", dlm. Susan Black Burn & Helen Ting, *Women in Southeast Asian Nationalist Movements*, Singapore: NUS Press, 2013.



bantahan kepada Pekeliling No.9⁴⁹, Cikgu Lily telah meletak jawatan dari Sekolah Permaisuri. Beliau turut berkempen bersama-sama Kathleen Brooke untuk menyeru masyarakat agar menentang penyerahan Sarawak. Di samping itu, Jehom turut membincangkan secara ringkas sumbangan Cikgu Lily dalam bidang pendidikan iaitu dalam mengasaskan *sekolah rakyat* dan *Satok English School* (SES). Secara tidak langsung, kajian ini telah membantu dalam mengenalpasti usaha dan peranan Cikgu Lily dalam bidang pendidikan.

Nordi Achie melalui karyanya bertajuk *Perjuangan wanita dalam gerakan anti-penyerahan 1946-1950* mengatakan kaum wanita sedar bahawa penyerahan Sarawak kepada British akan menyebabkan terhapusnya *status quo* masyarakat peribumi.⁵⁰ Atas kesedaran itulah mereka menubuhkan persatuan wanita yang dikenali sebagai Kaum Ibu. Menurut Nordi Achie, Kaum Ibu bukan sahaja mengecam tindakan British tetapi juga mengadakan demonstrasi, perarakan, rapat umum, pemulauan secara besar-besaran dan banyak lagi. Tindakan tersebut dilakukan sebagai tanda protes kepada penyerahan Sarawak. Selain itu, Nordi Achie juga memerihalkan bahawa matlamat penubuhan Kaum Ibu bukan sahaja untuk menentang penyerahan tetapi juga untuk memperjuangkan hak dan kepentingan wanita. Salah satunya ialah untuk memajukan kehidupan wanita dalam bidang pendidikan. Secara automatik, kajian penulis ini telah membantu kajian yang dijalankan.

Seterusnya, Nordi Achie dalam artikel yang bertajuk *Wanita dan politik kepartian di Sarawak tahun 1959-1996* pula menekankan peranan dan penglibatan

⁴⁹ Surat amaran yang diberikan kepada pegawai kerajaan bagi menghalang mereka terlibat dengan Gerakan anti-penyerahan Sarawak kepada British. Rujukan lanjut lihat Mohd Hasbie Sulaiman, *Perjuangan anti-cession Sarawak*, hlm. 122.

⁵⁰ Nordi Achie, *Perjuangan wanita dalam gerakan anti-penyerahan 1946-1950*, dlm. *The Sarawak Museum Journal*, Vol. 55(76), 2000.



wanita dalam parti politik di Sarawak.⁵¹ Menurut Nordi, kaum wanita telah membentuk Pergerakan Wanita (PW) bagi parti masing-masing. PW tersebut kemudiannya digunakan untuk memperjuangkan nasib golongan wanita. Dengan adanya PW sesebuah parti menjadi lebih kuat kerana kaum wanita lebih aktif berkempen berbanding kaum lelaki. Kaum wanita tidak segan untuk mengetuk pintu dari rumah ke rumah bagi mempromosi dan memujuk masyarakat untuk menyertai parti mereka. Atas sebab itu, Nordi mengatakan bahawa PW ialah tulang belakang kepada sesebuah parti. Meskipun kajian ini lebih cenderung mengupas peranan dan keterlibatan wanita dalam parti politik namun ia turut berguna kepada kajian. Ini disebabkan matlamat penubuhan PW yang dibincangkan dalam artikel ini turut berkait rapat dengan upaya kaum wanita Sarawak dalam memajukan diri, khususnya dalam sektor pendidikan.



Berdasarkan kajian lepas berkenaan wanita di Sarawak dapatlah dilihat bahawa para pengkaji terdahulu gemar mengetengahkan penglibatan dan peranan wanita Sarawak dalam bidang politik. Kecenderungan para pengkaji terdahulu mengangkat peranan wanita dalam politik menyebabkan peranan mereka dalam bidang lain kurang menonjol. Selain itu, para pengkaji terdahulu juga sering mengangkat peranan kaum lelaki, badan dakwah Kristian dan wanita Eropah dalam bidang pendidikan. Manakala, peranan wanita tempatan dalam bidang tersebut telah dikesampingkan. Oleh itu, bagi mengisi kelompangan dan kekurangan tersebut, kajian mengenai pendidikan wanita di Sarawak dilakukan dengan penekanan kepada peranan mereka dalam bidang pendidikan.

⁵¹ Nordi Achie, Wanita dan politik kepartian di Sarawak tahun 1959-1996, dlm. *Malaysia Dari Segi Sejarah*, Vol. 28, 2000.





1.10 Metodologi kajian

Kajian ini dilaksanakan dengan menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif. Menurut Strauss & Corbin (1977) yang dipetik dalam Othman mengatakan bahawa penyelidikan kualitatif bermaksud sebarang penyelidikan kualitatif yang menghasilkan dapatan yang bukan melalui prosedur statistik atau lain-lain bentuk pengiraan.⁵² Ini bermakna, penyelidikan kualitatif dilakukan dalam latar semula jadi dan penyelidik ialah instrumen utama dalam pengumpulan data.⁵³

Jenis penyelidikan kualitatif yang digunakan dalam kajian ini ialah kajian sejarah. Pengumpulan data pula dilakukan menerusi analisis dokumen dan temu bual. Analisis dokumen dilakukan ke atas sumber primer dan sekunder. Sumber primer merujuk kepada sumber asli yang belum ditafsir oleh mana-mana pihak seperti catatan, surat-menyurat, rekod kerajaan dan fail rasmi. Antara sumber primer yang digunakan dalam kajian ialah *The Hammond Report (1937)*, *Queries: Past, Present and Future* oleh Charles Brooke, fail dari *Chief Minister Office, Public Records Office, District Office, Ministry of Public Health, Housing and Local Government Sarawak, Rhodes House, US Migrated Archives* dan banyak lagi. Pada masa yang sama, *Sarawak Gazette* yang diterbitkan sejak tahun 1870 juga turut digunakan dalam kajian ini kerana ia mengandungi banyak maklumat berkaitan pendidikan di Sarawak. Kutipan sumber primer ini dilakukan di Arkib dan Muzium Negeri Sarawak serta *Sarawak State Record Repository*. Manakala, untuk sumber sekunder rujukan perpustakaan dilakukan di Perpustakaan Tuanku Bainun, Perpustakaan Universiti Malaya dan Perpustakaan Negeri Sarawak (PUSTAKA).

⁵² Othman Lebar, *Penyelidikan kualitatif: Pengenalan kepada teori dan metode*, Perak: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2021, hlm. 9.

⁵³ *Ibid.*





Selanjutnya, pengumpulan maklumat turut dilakukan menerusi kaedah temu bual. Jenis temu bual yang diaplikasikan dalam kajian ialah temu bual tidak berstruktur. Menurut Othman Lebar, temu bual tidak berstruktur biasanya menggunakan soalan terbuka yang memberi peluang kepada responden memberi tindak balas mengikut budi bicaranya dan tidak terikat dengan sebarang jawapan alternatif atau tidak dikekang oleh panjang atau pendek soalan.⁵⁴ Oleh itu, informan yang dipilih haruslah mempunyai maklumat dan pengetahuan yang banyak tentang topik yang dikaji. Dalam kajian ini, informan yang dipilih terdiri daripada individu yang mempunyai maklumat tentang tokoh atau topik yang dikaji. Walaupun temu bual dijalankan secara tidak berstruktur, namun persediaan awal tetap dibuat seperti membina soalan umum, membuat temu janji, memilih lokasi yang sesuai serta menyediakan alat rakaman yang sesuai. Ini bagi memastikan proses temu bual berjalan dengan lancar dan informan berasa selesa.



1.11 Pembahagian bab

Kajian ini mengandungi enam bab keseluruhannya dengan merangkumi bab pendahuluan dan kesimpulan. Bab pertama membincangkan tentang cadangan penyelidikan yang mengandungi pengenalan, latar belakang, permasalahan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, skop kajian, definisi operasional, kajian literatur, metodologi kajian, pembahagian bab dan kesimpulan tentang kajian yang ingin dilakukan.

⁵⁴ *Ibid.*, hlm. 134-135.





Bab yang kedua membincangkan latar belakang pendidikan wanita di Sarawak. Bab ini akan bermula dengan perbincangan tentang kumpulan masyarakat yang terdapat di Sarawak. Kumpulan masyarakat itu akan dikelaskan kepada tiga kelompok utama iaitu, Melayu, Cina dan Dayak. Kemudian, perbincangan diteruskan dengan melihat latar belakang pendidikan wanita di Sarawak sebelum tahun 1930. Di sini, jenis-jenis pendidikan wanita sebelum munculnya pendidikan formal akan dibahas dengan lebih lanjut. Seterusnya, bab ini juga akan mengupas sejarah kemunculan pendidikan formal untuk wanita di Sarawak. Perbincangannya adalah untuk melihat bagaimana dan bilakah pendidikan formal untuk wanita mula bertapak di Sarawak.

Bab yang ketiga pula memfokuskan kepada usaha wanita Sarawak dalam memajukan pendidikan kaum wanita di Sarawak. Bab ini akan menerangkan usaha dan strategi yang dilakukan bagi memajukan pendidikan masyarakat Sarawak amnya dan wanita khususnya. Antara usaha yang berjaya dikenal pasti iaitu mengasaskan persatuan wanita, menubuhkan sekolah, melawat kawasan pedalaman dan membangkitkan isu pendidikan di platform tertentu. Kupasan terhadap usaha dan strategi tersebut adalah penting untuk melihat sejauh mana kaum wanita Sarawak sanggup berkorban demi memperbaiki dan meningkatkan taraf pendidikan wanita di Sarawak.

Seterusnya, bab empat membincangkan tentang cabaran-cabaran yang dihadapi oleh wanita Sarawak dalam memajukan pendidikan kaum wanita. Cabaran yang dikenal pasti ialah sikap dan penerimaan masyarakat terhadap pendidikan wanita, masalah kekurangan infrastruktur pendidikan, masalah sistem perhubungan





dan pengangkutan, masalah kewangan dan kemiskinan, kelemahan kurikulum, dasar dan polisi pendidikan kerajaan serta masalah kekurangan tenaga pengajar terlatih. Perbincangan mengenai cabaran ini penting untuk melihat sejauh mana ia mempengaruhi perkembangan pendidikan wanita di Sarawak.

Manakala, bab kelima pula akan menganalisis kesan perkembangan pendidikan formal terhadap kehidupan wanita di Sarawak ketika itu. Kesan yang dapat dilihat ialah kesan terhadap pendidikan wanita dimana berlaku peningkatan bilangan pelajar perempuan di seluruh Sarawak khususnya menjelang kemerdekaan negeri pada tahun 1963. Selain itu, bab ini juga akan menilai impak perkembangan pendidikan kepada peluang pekerjaan, fesyen dan penampilan serta politik wanita di Sarawak.



Bab yang terakhir iaitu bab enam ialah rumusan kajian. Semua hasil dapatan kajian akan dirumuskan secara ringkas dan padat dalam bab ini. Melalui kesimpulan juga, ketercapaian objektif kajian akan dapat dilihat. Selain itu, bab kesimpulan juga bertujuan untuk memudahkan pembaca memahami keseluruhan kajian yang telah dibuat.

1.12 Kesimpulan

Secara kesimpulannya, kajian ini dilakukan untuk menilai sejarah pendidikan wanita di Sarawak dan usaha wanita itu sendiri dalam memajukan pendidikan golongan wanita. Hal ini kerana, masyarakat ketika itu mempunyai pandangan yang negatif





terhadap wanita yang berpendidikan. Oleh itu, ramai dalam kalangan masyarakat tradisional yang konservatif menolak idea pendidikan untuk wanita. Walau bagaimanapun, penentangan tersebut tidak mematahkan semangat wanita untuk turut mendapatkan pendidikan seperti kaum lelaki. Justeru, wanita-wanita Sarawak ketika itu telah berusaha untuk mengubah tanggapan masyarakat terhadap pendidikan wanita. Oleh yang demikian, kajian ini dilakukan untuk membincangkan secara lebih mendalam tentang sejarah pendidikan wanita di Sarawak dengan menonjolkan usaha golongan wanita itu sendiri dalam menyedarkan masyarakat tentang kepentingan pendidikan untuk anak perempuan sekaligus membantu memajukan bidang pendidikan di Sarawak amnya dan wanita khususnya.

